

14 AUG 2003

Donald-Perhimpunan

PERHIMPUNAN PATRIOTIK DI JALAN PETALING PADA 30 OGOS

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Persatuan Pemborong Pakaian Malaysia akan menganjurkan Perhimpunan Patriotik Raksaksa Masyarakat Malaysia di kawasan perniagaan popular di ibu kota, Jalan Petaling pada 30 Ogos sempena sambutan Bulan Kemerdekaan.

Penasihat program tersebut, Datuk Donald Lim Siang Chai berkata perhimpunan besar-besaran itu dianjurkan untuk membangkitkan semangat patriotik di kalangan rakyat Malaysia, terutama di kalangan generasi muda.

"Perhimpunan itu adalah yang pertama kali diadakan di Jalan Petaling dengan mendapat kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan satu sesi perbincangan mengenai program tersebut di Angkasapuri hari ini.

Lim berkata perhimpunan itu akan turut dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Penerangan Malaysia berkata kehadiran Dr Mahathir di Jalan Petaling pada hari tersebut amat istimewa sekali kepada warga Jalan Petaling kerana kali terakhir Perdana Menteri melawat kawasan itu adalah 10 tahun lalu.

Lim menganggarkan seramai 10,000 orang warga kota akan membanjiri sekitar kawasan Jalan Petaling.

Pengerusi Penganjur program itu Datuk Dr Tan Tiong Hong berkata pada majlis tersebut Platun Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela) Jalan Petaling akan dilancarkan oleh Dr Mahathir.

Dr Tan berkata penubuhan unit Rela di kawasan tersebut amat perlu untuk menjaga keselamatan pengunjung dan juga peniaga Jalan Petaling.

Katanya ia juga penting bagi menjaga imej Jalan Petaling memandangkan kawasan itu menjadi tumpuan pelancong asing.

Antara acara-acara menarik adalah persembahan tarian naga, konsert artis-artis tempatan dan pertunjukan pancaragam pelajar sekolah menengah.

-- BERNAMA

NN AMB KHY ZB